

07 AUG 1996

Dialog

PM CHINA BERUCAP PADA DIALOG PERKONGSIAN MALAYSIA-CHINA

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri China Li Peng dijangka menyampaikan ucapan khas pada Dialog Perkongsian Malaysia-China di Beijing pada 26 Ogos ini.

Li Peng juga akan menyertai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada dialog terbuka yang akan diadakan pada hari yang sama, kata Presiden Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI), Mirzan Mahathir, hari ini.

Beliau berkata dialog sehari itu, anjuran ASLI, diadakan bersempena lawatan kerja Dr Mahathir ke China mulai 24 hingga 27 Ogos ini.

Dialog itu bertujuan mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara, menyediakan maklumat mengenai peluang pelaburan di China dan Malaysia serta mewujudkan persefahaman yang lebih baik mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur, katanya pada persidangan berita di sini.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan dasar bertajuk "Permulaan Abad Asia Pasifik: Satu Perspektif Malaysia" pada dialog itu yang akan memberi gambaran jelas mengenai strategi-strategi Malaysia pada abad berikutnya.

Mirzan berkata pemimpin kedua-dua negara juga akan menyaksikan majlis menandatangani beberapa perjanjian antara Malaysia dan China.

Antara mereka yang akan berucap pada dialog itu ialah Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, dengan ucapan bertajuk "Segitiga Pertumbuhan: Pengalaman Indonesia-Malaysia-Thailand - Peluang Bagi Usahawan China".

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik akan berucap mengenai "Mengukuhkan Hubungan Dua Hala dan Kerjasama Ekonomi antara Malaysia dan China" manakala Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn menyampaikan ucapan "Asia: Pusat Kecemerlangan Pendidikan - Perkongsian Ke arah Abad ke-21".

Selain itu perbincangan panel mengenai "Perkongsian Bagi Kemakmuran Bersama

- Peluang Bagi Usahasama dan Pelaburan antara Ahli-ahli Perniagaan China dan Malaysia" akan dipengerusikan oleh Pengerusi Kumpulan Lion Tan Sri William Cheng.

Antara yang turut menyertai dialog itu ialah Pengerusi DRB-Hicom Tan Sri Yahya Ahmad, Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajuddin Ramli dan Presiden Kumpulan SungeiWay Tan Sri Dr Jeffrey Cheah.

Tahun lepas, China melabur kira-kira RM19.2 juta di Malaysia manakala jumlah pelaburan Januari hingga Mac tahun ini hampir mencapai RM23.3 juta.

-- BERNAMA

RAZ NAK